



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881008

**PERBADANAN PUTRAJAYA TERIMA
ANUGERAH ANTARABANGSA AIM-FUTURE CITY AWARDS**

PUTRAJAYA, 22 Oktober 2020 – Perbadanan Putrajaya (PPj) sekali lagi melakar nama di pentas dunia apabila menerima Anugerah AIM – *Future City Awards* di bawah kategori ***Future Government Award*** bagi Sistem Pemantauan OSC 3.0 Perbadanan Putrajaya (PPj).

Penganugerahan ini diterima di atas pencapaian markah tertinggi PPj dalam penyertaan Pertandingan Inovasi Antarabangsa AIM Future Cities Award Dubai 2020. AIM Digital 2020 merupakan ekspo digital yang dianjurkan oleh Annual Investment Meeting (AIM), satu inisiatif daripada Kementerian Ekonomi Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk menghimpunkan komuniti pakar-pakar pelaburan global di bawah satu platform virtual.

Anugerah diterima melalui Majlis Future Cities Award Ceremony secara maya (*live digital*) bersempena dengan penganjuran AIM Digital 2020 yang berlangsung dari 20 hingga 22 Oktober 2020 di Dubai.

Penganugerahan ini merupakan anugerah pertama peringkat antarabangsa yang diterima oleh PPj bagi Sistem Pemantauan OSC 3.0. Sistem ini berkebolehan untuk menerima, memproses, meluluskan dan memantau semua projek-projek perancangan, pembangunan, landskap, infrastruktur, dan ubahsuai sehingga ke pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Sistem ini juga dilihat sebagai cerminan ketelusan pihak PPj dalam berurusan dengan *stakeholder* yang terlibat serta dapat mempercepatkan proses kelulusan.

Sistem yang diguna pakai ini juga mudah dan bersifat *user friendly* di mana ia boleh diakses secara *web base* dan *mobile phone*.

Sistem Pemantauan OSC 3.0 telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan di arena tempatan seperti Anugerah Presiden di Malaysia Institute of Planners (MIP) for Planning Excellence 2018, Anugerah Emas di Regional Team Excellence 2019 oleh Malaysia Productivity Corporation, Anugerah 5 Bintang Emas di The Annual Productivity & Innovation Conference (APIC) Exposition 2019 dan Pemenang Kategori Sektor Awam di APIC 2019.

Di samping itu, Sistem Pemantauan OSC 3.0 turut dijadikan kayu ukur kepada pembangunan Sistem OSC 3 Plus oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang digunapakai di beberapa buah Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.

Anugerah yang diterima ini merupakan satu pengiktirafan kepada usaha PPj dalam usaha untuk memajukan Putrajaya sebagai Smart City menjelang 2025. Blueprint Smart City Putrajaya telah menggariskan 93 inisiatif pintar yang telah bermula semenjak tahun 2018.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pegawai media En Mohd Fairus bin Mohd Padzil di talian 019-3354346 atau e-mel di m.fairus@ppj.gov.my.

TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH
Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 23 Oktober 2020